

**Company Name** : Empire Premium Food Berhad  
**Date** : 27 May 2026  
**Source** : Berita Harian

## **Pengendali Empire Sushi Catat Untung Bersih RM48.7 Juta, Pendapatan Meningkatkan 26 Peratus**



Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Empire, Nicole Lim

KUALA LUMPUR: Empire Premium Food Bhd, pemilik dan pengendali jenama Empire Sushi merekodkan pendapatan sebanyak RM297.1 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2026, meningkat 26.1 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Prestasi itu disokong oleh sumbangan daripada 127 cawangan sushi 'grab and go' dan 16 cawangan 'quick dine-in' di seluruh negara, sekali gus menandakan keputusan tahunan penuh sulung syarikat selepas penyenaiaannya baru-baru ini.

Cawangan 'grab and go' kekal menjadi penyumbang utama pendapatan kumpulan dengan menyumbang 87.3 peratus daripada jumlah hasil, manakala cawangan 'quick dine-in' menyumbang baki 12.7 peratus.

Berdasarkan asas dinormalisasi, tidak termasuk perbelanjaan penyenaian sekali sahaja sebanyak RM2.7 juta, Empire Premium Food merekodkan keuntungan sebelum cukai (PBT) larasan sebanyak RM65.5 juta dan keuntungan selepas cukai (PAT) larasan sebanyak RM48.7 juta.

PAT larasan meningkat 28.4 peratus tahun ke tahun, didorong oleh pengembangan cawangan, skala ekonomi, kecekapan operasi serta permintaan pelanggan yang berterusan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Empire, Nicole Lim, berkata walaupun persekitaran perbelanjaan pengguna lebih perlahan sepanjang bulan puasa pada suku keempat serta peningkatan kos operasi ketika musim perayaan, kumpulan kekal berdaya tahan dan mencatat keuntungan.

"Pertumbuhan pendapatan dinormalisasi kami mencerminkan ketahanan model perniagaan, disokong oleh penerimaan pelanggan yang kukuh, operasi outlet yang cekap dan pengurusan kos yang berdisiplin.

"Kami kekal fokus untuk mengembangkan rangkaian secara mampan sambil meningkatkan pengalaman pelanggan dan kecekapan operasi," katanya dalam satu kenyataan.

Lim berkata, pihaknya optimis terhadap prospek pertumbuhan syarikat berikutan trend penggunaan domestik yang kekal kukuh, peningkatan aktiviti pelancongan serta

permintaan yang semakin meningkat terhadap pilihan makanan mampu milik dan mudah di Malaysia.

Beliau berkata, di bawah pelan pengembangan semasa, Empire Premium Food menyasarkan pembukaan 15 cawangan baharu dan merancang mengembangkan rangkaianannya kepada 158 cawangan menjelang akhir tahun kewangan 2027.

Katanya, syarikat juga akan terus memperkukuhkan kehadiran pasaran menerusi pengembangan outlet secara strategik, inovasi menu serta penambahbaikan operasi, selain memanfaatkan dana hasil tawaran awam permulaan (IPO) bagi menyokong inisiatif pertumbuhan jangka panjang.